

Parlimen Thai Dibuka Rasmi 1 Ogos
Bernama
Julai 28, 2011
Oleh Jamaluddin Muhammad

BANGKOK, 28 Julai (Bernama) -- Parlimen Thai akan dibuka rasmi pada 1 Ogos, memberi laluan kepada pembentukan kerajaan baru yang dipimpin oleh parti Pheu Thai hasil pilihan raya umum 3 Julai.

Perdana Menteri dan speaker dewan Parlimen akan dipilih menerusi proses undi oleh para anggota Parlimen (MP) semasa sesi berkenaan.

Dewan Parlimen baru mengandungi 500 kerusi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) malam ini mengesahkan kedudukan 94 lagi MP, menjadikan jumlah 496 disahkan setakat ini.

Pesuruhjaya Pilihan Raya Sodsri Sattayatham berkata bakal MP dari parti Pheu Thai Jatuporn Prompan yang kini ditahan atas tuduhan menjejaskan imej Raja belum disahkan kedudukannya.

Beliau berkata kes Jatuporn akan dirujuk ke Mahkamah Perlembagaan berikutan aduan bahawa beliau mungkin telah hilang keanggotaan parti berikutan penahanan itu dan dengan itu tidak layak bertanding dalam pilihan raya baru-baru ini.

Pemenang dari dua kawasan pilihan raya di Nongkhai dan Sukhothai pula tidak dapat disahkan kerana SPR mendapati mereka terlibat dalam pembelian undi dan mengarahkan pilihan raya kecil diadakan di dua kawasan itu.

SPR juga mengadakan pengiraan semula undi di Konstituensi 2 Yala yang mencatat majoriti 300 undi saja, berikutan permintaan untuk itu.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604412>